

31Julai 2017

KENYATAAN MEDIA

*Oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).*

GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL SEMALAMAN PADA 5/8/2017 DAN 6/8/2017 UNTUK PENGGANTIAN KEBOCORAN PAIP SAMBUNGAN BERUSIA 30 TAHUN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA

- Gangguan bekalan air dari jam 10.00 malam pada 5/8/2017 - 10.00 pagi pada 6/8/2017 di 3 kawasan di Seberang Prai Utara (SPU).
- Kawasan yang terjejas: Taman Desa Murni, Taman Seri Murni dan Persiaran Murni.
- Kerja penggantian paip sambungan akan menghentikan kehilangan air dan mengelak gangguan bekalan air tidak berjadual disebabkan kerosakan paip sambungan.

PULAU PINANG, Isnin (31/7/2017): Paip sambungan 825mm berusia 30 tahun yang bocor di Loji Rawatan Air Sungai Dua akan diganti hujung minggu ini.

Kerja penggantian paip sambungan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memerlukan penutupan sementara saluran paip keluli lembut (MS) 1,200mm yang menyalurkan air terawat dari loji rawatan air.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam dari jam 10.00 malam hari Sabtu, 5/8/2017, hingga 10.00 pagi hari Ahad, 6/8/2017.

Gangguan bekalan berjadual ini akan melibatkan kira-kira 9,200 pengguna air di kawasan sekitarnya.

Penduduk yang terlibat di kawasan berikut dinasihatkan supaya menyimpan air menucukupi untuk kegunaan lebih 12 jam, semalaman:

1. **Taman Desa Murni, SPU;**
2. **Taman Seri Murni, SPU; dan**
3. **Persiaran Murni, SPU.**

Sila rujuk Appendix 'A':

Kawasan Terlibat – Gangguan Bekalan Air Berjadual 12 jam di LRA Sungai Dua (SPU), dari jam 10.00 malam pada 5/8/2017 - 10.00 pagi pada 6/8/2017.

PBAPP telah menjadualkan untuk menjalankan kerja penggantian paip sambungan semalaman, dan pada hujung minggu, bagi meminimumkan kesulitan bagi pengguna air yang terlibat.

Harap maklum bahawa paip sambungan perlu diganti segera kerana sudah bocor. Kerja-kerja pembaikan itu adalah untuk mengelak kerugian air dan mengelak kerosakan total paip sambungan yang mungkin mengakibatkan gangguan bekalan air tidak berjadual di SPU.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang berlaku.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

**Loji
Pembersihan Air
Sungai Dua**

**KEBOCORAN
DI PAIP 825mm**

**Taman
Seri Murni**

**Taman
Desa Murni**

**Persiaran
Murni**

Appendix 'A':
**Gangguan Bekalan Air Berjadual
12-Jam di Sungai Dua,
Seberang Prai Utara (SPU)
pada 5/8/2017, 10.00 malam -
6/8/2017, 10.00 pagi.**



Kawasan Terlibat